



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

5 OKTOBER 2022 (RABU)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

5 OKTOBER 2022 (RABU)

KPDNHEP sita losen, minyak wangi tiruan

Shah Alam: Sebuah premis di Taman Prima Selayang, Batu Caves yang disyaki dijadikan sebagai tempat simpanan barang penjagaan diri tiruan diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna (KPDNHEP) Selangor, kelmarin.

Pengarah KPDNHEP Selangor Mohd Zuhairi Mat Radey berkata, serbuan itu dilakukan jam 10 pagi hasil aduan dan pengesahan awal daripada wakil pemilik cap

dagang.

Menurutnya, jenis barang penjagaan diri tiruan itu adalah losen dan minyak wangi.

"Hasil pemeriksaan, premis itu didapati dijadikan tempat penyimpanan barangan dan ia disimpan untuk tujuan perdagangan.

"Hasil pengesahan dan pengesanan awal mendapati barangan terbabit disyaki menggunakan cap dagang tanpa kebenaran pemilik cap dagang berdaftar," katanya

dalam kenyataan, semalam.

Mohd Zuhairi berkata, pihaknya menyita semua barangan membabitkan losen dan minyak wangi dengan jumlah sitaan dianggarkan bernilai RM13,350.

Menurutnya, tiada tangkapan dibuat ketika serbuan ekoran premis terbabit tidak berpenghuni.

"KPDNHEP Selangor akan meneruskan siasatan lanjut bagi mengenal pasti individu atau mana-mana pihak yang terbabit dalam aktiviti

pelanggaran di bawah perlindungan harta intelek.

"Siasatan lanjut mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 dan boleh dihukum mengikut seksyen dan Akta yang sama," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan bertindak tegas dan tidak berkompromi dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah bidang kuasa KPDNHEP khususnya mengikut Akta Cap Dagangan 2019.



KPDNHEP Selangor menyerbu sebuah premis di Taman Prima Selayang, Batu Caves disyaki dijadikan sebagai tempat simpanan barang penjagaan diri tiruan.



PREMIS yang dijadikan gudang simpanan losen dan minyak wangi tiruan diserbu KPDNHEP Selangor di Batu Caves kelmarin.

Produk bernilai RM13,350 dirampas KPDNHEP

Gudang losen tiruan diserbu di Batu Caves

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Sebuah premis yang menjadi gudang penyimpanan losen dan minyak wangi tiruan diserbu di Taman Prima Selayang, Batu Caves, di sini kelmarin.

Dalam serbuan kira-kira pukul 10 pagi oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor itu, produk itu yang dianggarkan bernilai RM13,350 dirampas.

Bagaimanapun, tiada tangkapan dibuat semasa serbuan kerana premis tidak berpenghuni.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Mohd. Zuhairi Mat Radey berka-

ta, tindakan itu hasil aduan dan pengesahan awal diterima daripada wakil pemilik cap dagang berdaftar berhubung terdapat sebuah premis yang dijadikan tempat simpanan barangan disyaki tiruan.

Katanya, jenis barangan disyaki tiruan adalah produk penjagaan diri iaitu losen dan minyak wangi jenama terkenal.

"Hasil pemeriksaan yang dilakukan, premis tanpa nama ini didapati dijadikan tempat penyimpanan barangan untuk tujuan perdagangan.

"Pasukan pemeriksa turut mendapatkan pengesahan dan pencetakan awal daripada wakil pemilik cap dagang yang hadir

bersama ke atas kesemua barangan yang diadu, disyaki guna cap dagang tanpa kebenaran (tiruan)," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Tambah beliau, siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengenal pasti individu atau mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti tersebut.

Mohd. Zuhairi berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019.

"Sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM10,000 bagi setiap barang atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya bagi individu atau perseorangan," katanya.

Pemandu lori ditahan seleweng diesel

SEBERANG PERAI – Seorang pemandu lori ditahan sepasukan penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang di Butterworth, di sini kelmarin selepas dipercayai terlibat dengan penyelewengan diesel bersubsidi.

Pengarah KPDNHEP negeri, S. Jegan berkata, lelaki warga tempatan berusia dalam lingkungan 30-an itu ditahan ketika sedang mengisi minyak diesel dalam keadaan mencurigakan.

Menurutnya, anggota penguatkuasa kemudian mengekori lelaki berkenaan yang juga dipercayai pemilik kenderaan itu sebelum menjumpai dua buah lori yang diletakkan berhampiran Lorong Tanjung Indah, Butterworth.

"Lori pertama seberat satu

tan mempunyai dua tangki plastik berkapasiti 2,000 liter, manakala lori kedua pula seberat tiga tan dan mempunyai empat tangki plastik berkapasiti 4,000 liter yang telah diubahsuai serta belakangnya ditutupi kain kanvas.

"Pemeriksaan lanjut mendapati, terdapat kira-kira 2,000 liter minyak diesel dalam tangki simpanan di atas kedua-dua buah lori tersebut secara keseluruhannya.

"Turut dirampas dalam serbuan itu adalah enam unit plastik, empat pam motor dan satu pam hos dengan anggaran nilai keseluruhan rampasan dan sitaan sebanyak RM40,700," katanya.

Kes tersebut disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.



ANGGOTA penguatkuasa KPDNHEP Pulau Pinang memeriksa tangki plastik berisi diesel dipercayai diseleweng dalam satu serbuan di Butterworth kelmarin.

Senarai Harga Barang Keperluan							
- Ayam	RM7.49	- Telur Gred A	RM13.50	- Gula Pasir	RM2.85	- Cili Merah	RM10.00
- Daging Lembu Tempatan	RM44.29	- Ikan Kembung	RM13.90	- Bawang Besar Holland	RM3.60	- Kubis Tempatan	RM3.90
- Daging Lembu Import	RM50.90	- Minyak Masak	RM6.70	- Bawang Putih	RM5.00	- Tepung Gandung	RM2.60

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

BERITA ONLINE BERTARIKH 5 OKTOBER 2022

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
5-Oct	Kadar inflasi negara terkawal di bawah unjuran 3.2 peratus	https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/48287-kadar-inflasi-negara-terkawal-di-bawah-unjuran-3-2-peratus	BERITARTM
5-Oct	Kadar inflasi rendah didorong inisiatif subsidi kerajaan	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/224234	SH
5-Oct	Kadar inflasi negara terkawal di bawah unjuran 3.2 peratus	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kadar-inflasi-rendah-didorong-inisiatif-subsidi-kerajaan-nanta-384070%3famp=1	ASTROAWANI
5-Oct	Kadar inflasi negara terkawal di bawah unjuran 3.2 peratus	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/bisnes/lain-lain/2022/10/1007921/kadar-inflasi-negara-dijangka-lebih-terkawal-tahun-depan	BH
5-Oct	Kadar inflasi negara terkawal di bawah unjuran 3.2 peratus	https://www.instagram.com/p/CjR48pwrqVy/?igshid=MDJmNzVkMjY=	IG
5-Oct	Kadar inflasi rendah didorong inisiatif subsidi kerajaan	https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=pfbid02XJKoTyJ3WMabD6UbcyBziqx6wzjBW77gLsisCJsX5aDUWDrpnh76irkaHZW4Ndml&id=100044349373331	FB
5-Oct	Food price inflation remains high around the world, says World Bank	https://www.theedgemarkets.com/article/food-price-inflation-remains-high-around-world-says-world-bank?type=malaysia	THEEDGEMARKETS
5-Oct	Penjahat guna tangki besar gasak diesel subsidi	https://www.borneo.network/2022/10/penjahat-guna-tangki-besar-gasak-diesel.html	BORNEO.NETWORK
5-Oct	KPDNHEP miri tumpaskan penyelewengan diesel di RIAM	https://dayakdaily.com/kpdnhep-miri-tumpaskan-penyelewengan-diesel-di-riam/	DAYAKDAILY

5-Oct	KPDNHEP arrests man, seizes 8,500 litres of diesel in Miri	https://www.theborneopost.com/2022/10/04/kpdnhep-arrests-man-seizes-8500-litres-of-diesel-in-miri/	THEBORNEOPOST
5-Oct	Stesen minyak jual diesel untuk penyelewengan digantung operasi	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/888609/stesen-minyak-jual-diesel-untuk-penyelewengan-digantung-operasi	HM
5-Oct	Losen minyak wangi tiruan dirampas	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/888568/losen-minyak-wangi-tiruan-dirampas	HM
5-Oct	Serbu gudang losen, minyak wangi tiruan	https://www.kosmo.com.my/2022/10/04/serbu-gudang-losen-minyak-wangi-tiruan/	KOSMO
5-Oct	Kerajaan disyor syaratkan syarikat besar jual sebahagian minyak	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1007935/kerajaan-disyor-syaratkan-syarikat-besar-jual-sebahagian-minyak	BH
5-Oct	KPDNHEP sita set penjagaan diri tiruan bernilai RM13,350	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/224256	SH
5-Oct	MTPN digalak bantu KPDNHEP	https://wartaoriental.com/2022/10/04/mtpn-digalak-bantu-kpdnhep/	WARTAORIENTAL
5-Oct	Low inflation rate driven by Govt's proactive measures, says minister	https://www.theedgemarkets.com/article/low-inflation-rate-driven-govts-proactive-measures-says-minister	THEEDGEMARKETS
5-Oct	Program bank makanan perlu kerjasama semua – KPDNHEP	https://www.kosmo.com.my/2022/10/04/program-bank-makanan-perlu-kerjasama-semua-kpdnhep/	KOSMO

5-Oct	Lebih 20,000 siswa terima manfaat food bank malaysia di ipt	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-20-000-siswa-terima-manfaat-food-bank-malaysia-di-ipt-384121%3famp=1	ASTROAWANI
5-Oct	Enam 'distribution centre' bantu golongan memerlukan – KPDNHEP	https://www.melakahariini.my/enam-distribution-centre-bantu-golongan-memerlukan-kpdnhep/	MELAKAHARINI
5-Oct	Lebih 20,000 Siswa Terima Manfaat Food Bank Malaysia Di IPT	https://www.buletintv3.my/nasional/lebih-20000-siswa-terima-manfaat-food-bank-malaysia-di-ipt/#.YzwUXQX00ow.facebook	BULETINTV3
5-Oct	Lebih 20,000 siswa terima manfaat Food Bank Malaysia	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/224313	SH
5-Oct	Lelaki ditahan bersama lori, diesel subsidi	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/224299	SH
5-Oct	Joint raid on Miri station sees 5 arrested over subsidised diesel fraud	https://www.theborneopost.com/2022/10/04/joint-raid-on-miri-station-sees-5-arrested-over-subsidised-diesel-fraud/	THEBORNEOPOST
5-Oct	KPDNHEP Miri Tahan Lima Lelaki Cuba Selewang Diesel Bersubsidi	https://www.buletintv3.my/jenayah/kpdnhep-miri-tahan-lima-lelaki-cuba-selewang-diesel-bersubsidi/	BULETINTV3
5-Oct	Cuba seludup 1,693 liter diesel dengan tangki tambahan	https://suarasarawak.my/2022/10/cuba-seludup-1693-liter-diesel-dengan-tangki-tambahan/	SUARASARAWAK
5-Oct	KPDNHEP gagalkan cubaan selewang diesel bernilai lebih RM210,000	https://tvstv.my/2022/10/04/kpdnhep-gagalkan-cubaan-selewang-diesel-bernilai-lebih-rm210000/	TVSTV

5-Oct	Diesel bersubsidi dirampas, lima lelaki ditangkap	https://www.utusanborneo.com.my/2022/10/04/diesel-bersubsidi-dirampas-lima-lelaki-ditangkap	UM
5-Oct	Transporter guna kereta baharu seludup minyak masak ditahan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/888790/transporter-guna-kereta-baharu-seludup-minyak-masak-ditahan	HM
5-Oct	Taktik guna kereta baharu mahal seludup minyak masak bersubsidi	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2022/10/1008225/taktik-guna-kereta-baharu-mahal-seludup-minyak-masak-bersubsidi	BH
5-Oct	MPOC urges labelling of no palm oil labels to be off shelves	https://www.google.com/amp/s/themalaysianreserve.com/2022/10/04/mpoc-urges-labelling-of-no-palm-oil-labels-to-be-off-shelves/amp/	THEMALAYSIANRESERVE
5-Oct	Beri maklumat jika temui label negatif produk sawit	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/bisnes/2022/10/888742/beri-maklumat-jika-temui-label-negatif-produk-sawit	HM